



**TEKS UCAPAN YAB MENTERI BESAR PERLIS
BERSEMPENA MAJLIS PERASMIAN SEMINAR ZIKRA AL RASUL:
RABIULAWAL BULAN MENGHAYATI SIRAH**

15 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)

11.00 PAGI

**DEWAN BAKAWALI MESS PEGAWAI KANAN PDRM, KANGAR
PERLIS**

Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

SALAM PERLIS. “RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU, NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU”

Terima kasih Tuan/Puan Pengerusi Majlis.

**Yang Berhormat Dato’ Yusran Shah bin Mohd Yusof,
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perlis,**

**Sahibus Samahah Profesor Dato’ Arif Perkasa Dr. Mohd Asri
Zainul Abidin Mufti Negeri Perlis**

**Yang diraikan para penceramah Seminar,
YB Al Fadhil Ustaz Ahmad Fadhli bin Shaari & YBHG Dato’
Dr Fathul Bari**

Ketua-Ketua Jabatan, Para Pegawai,

**Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dirahmati Allah Subhanahu
Wa Taala sekalian.**

1. **Alhamdulillah**, bersyukur kehadiran Allah SWT yang telah memberikan taufiq dan rahmat kepada kita, sehingga terlaksana program “**Seminar Zikra al Rasul: Rabiulawal Bulan Menghayati Sirah**” pada hari ini.
2. **Tahniah** diucapkan kepada Jabatan Mufti Negeri Perlis, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs), jabatan-jabatan dalam Kerajaan Negeri dan **semua** pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memastikan kelancaran program hebat ini.

Hadirin-Hadirat Sekalian

3. **Rasulullah SAW** merupakan qudwah atau ikutan bagi seluruh umat manusia. **Baginda** bukan sahaja dihormati sahabat dan pengikut malah Rasulullah SAW turut dihormati dan digeruni musuh Islam. **Sehingga** hari ini ajaran baginda sudah dapat disebarkan seluruh pelusuk dunia.

4. **Dalam** hal ini Allah SWT telah berfirman dalam Surah al Ahzab ayat ke-21 yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada (diri & peribadi) Rasulullah SAW itu terdapat suri teladan yang mulia (untuk diikuti)”

5. **Melalui** firman Allah SWT ini dapatlah kita fahami bahawa Rasulullah SAW adalah **individu mulia** yang perlu dicontohi dan diikuti bukan sahaja oleh umat Islam tetapi oleh seluruh umat manusia. **Menjadi** sunnah buat kita untuk mengikuti setiap perincian apa yang Rasulullah SAW lakukan. **InsyaAllah** setiap apa yang kita contohi itu akan menatijahkan pahala berganda buat kita.

6. **Hal ini** juga bertepatan dengan firman Allah SWT dalam *Surah al Anbiya' ayat ke-107* yang bermaksud:

“ Tidaklah kami mengutuskan engkau (Wahai Muhammad) melainkan sebagai suatu Rahmat bagi sekalian alam”

Hadirin-Hadirat Sekalian,

7. **Adalah** menjadi suatu tuntutan dan tanggungjawab bagi kita umat Rasulullah SAW untuk mencintai dan mengikuti Rasulullah SAW. **Kehidupan** atau Sirah Rasulullah SAW adalah suatu perjalanan hidup yang perlu untuk kita semua terokai sebagai umat Baginda SAW. **Islam** yang dibawa oleh baginda akan menyelamatkan kita khususnya di akhir zaman ini. **Dengan** pegangan inilah yang akan menghindar dan menjaga kita dari pelbagai fitnah yang berlaku.

8. **Apa** yang disukai oleh Rasulullah SAW maka ia disukai oleh Allah. **Hidup** bersatu padu juga sangat disukai Rasulullah. **Saya** mengharapkan penghayatan sirah Rasulullah ini menyatukan kita semua. **Jika** ada sebarang pertembungan, cuba kita elakkan dan cari titik persamaan dan ketahuilah musuh sebenar kita. **Amatlah** rugi jika Islam menganjurkan perpaduan sesama kita tapi kita lebih suka pertelingkahan yang merugikan kita semua.

Hadirin-Hadirat Sekalian,

9. **Bulan Rabiulawal** merupakan bulan yang padanya terkandung peristiwa-peristiwa besar dalam kehidupan Rasulullah SAW. **Pada** bulan ini Baginda Rasulullah SAW dilahirkan, **pada** bulan ini juga Nabi SAW berhijrah ke kota Madinah dan **pada** bulan ini juga berlakunya peristiwa kefawatan Baginda Nabi SAW.

10. **Melihat** kepada peristiwa-peristiwa besar yang berlaku dalam bulan ini, **maka** dipilih bulan Rabiulawal pada setiap tahun sebagai bulan Pendidikan sirah Rasulullah SAW pada peringkat negeri ini.

11. **Penganjuran** Seminar Zikra al Rasul pada hari ini diharapkan mampu menjadi titik tolak dalam menyebarkan proses pendidikan Sirah Rasulullah SAW sepanjang Rabiulawal ini sama ada di pejabat-pejabat kerajaan, masjid, sekolah, IPT dan sebagainya.

12. **Pada** masa yang sama segala penyampaian ilmu itu mestilah lebih meluas dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang ada termasuklah teknologi masa kini. **Jadikan** kesempatan bulan ini supaya semua rakyat lebih mengenali dan mencintai Rasulullah SAW.
13. **Jika** ditanya kepada saya, **sekiranya** Rasulullah SAW masih ada bersama kita. **Jawapan** saya itulah kenikmatan yang ingin kita semua inginkan **supaya** baginda terus menjaga kita dan **menyelamatkan** kita dari pelbagai ujian yang berlaku hari ini.

Hadirin-Hadirat Sekalian

14. **Mengakhiri ucapan**, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan program Seminar Zikra al Rasul pada hari ini. **Semoga** segala penat lelah dan keringat, **diberikan** pahala dan ganjaran sebaiknya di sisi Allah SWT.

15. Dengan lafaz *Seeru Ala Barokatillah*, saya merasmikan Seminar Zikra Al Rasul: Rabiulawal Bulan Menghayati Sirah bagi tahun 2023.

Sekian, wabillahitaufik wal hidayah wassalamu alaikum wrtbbh.